

**KOLEKSI SOALAN KERTAS 2
PEPERIKSAAN SEBENAR
SPM**

TAHUN 2011 - 2021

**BAHAGIAN A
(10 MARKAH)**

DISUSUN SECARA TOPIKAL

NAMA PELAJAR : _____

KELAS : _____

DISUSUN: CIKGU ALEX

Modul 1: Pengenalan Perakaunan

SOALAN NO.1(b)

SPM 2013

Nyatakan prinsip dan andaian perakaunan yang diamalkan bagi setiap situasi di bawah:

- (i) Pemilik menjelaskan bil elektrik rumahnya tetapi tidak direkodkan di dalam buku perniagaannya.
- (ii) Penyata kewangan bagi perniagaan cecak telah disediakan berdasarkan semua urusan niaga yang berlaku sepanjang 1 April 2012 hingga 31 Mac 2013.

SOALAN NO. 1(a)

SPM 2015

Nyatakan prinsip perakaunan bagi situasi berikut:

- (i) Diskaun diterima RM200 telah didebitkan dalam Akaun Belum Bayar dan dikreditkan dalam Akaun Diskaun Diterima.
- (ii) Pada tahun berakhir 31 Mac 2015, nilai buku bersih bagi tanah dan premis ialah RM100 000 tetapi nilai pasaran semasa ialah RM250 000. Nilai yang dilaporkan dalam penyata kewangan ialah RM250 000.

SOALAN NO.1(a)

SPM 2018

Penyata kewangan mesti disediakan dalam tempoh yang ditetapkan dan boleh difahami oleh pengguna kewangan. Nyatakan dua ciri kualitatif penyata kewangan berkenaan.

SOALAN NO.1(c)

Lengkapkan jadual berikut.

Peringkat dalam Kitaran Perakaunan	Keterangan
(i)	Menyediakan jurnal am, jurnal khas, Buku Tunai dan Buku Tunai Runcit
(ii)	Menyemak ketepatan catatan bergu

SPM 2019

SOALAN NO. 1(a)

Perabot Bakar Enterprise membeli sebuah kenderaan bernilai RM40 000 pada tahun 2014. Susut nilai kenderaan dikira pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, kenderaan direkodkan pada harga asal walaupun nilainya telah berkurang.

Nyatakan prinsip perakaunan yang diamalkan oleh Perabot Bakar Enterprise.

SPM 2020**SOALAN NO. 1(a)**

KUALA LUMPUR, 4 APRIL 2019, seorang Pengurus Kewangan Syarikat Anje Berhad, Encik Khai Azam Bin Abdullah (bukan nama sebenar) telah didapati bersalah atas tuduhan pecan amanah yang melibatkan RM 1.5 juta di Mahkamah Tinggi hari ini.

Berdasarkan petikan tersebut, nyatakan dua kod etika yang tidak dipatuhi oleh individu berkenaan.

SPM 2021**SOALAN NO. 1(d)**

Nyatakan dua ciri kualitatif tertingkat Penyata Kewangan.

Modul 2: Klasifikasi Akaun & Persamaan Perakauanan

SPM 2011

SOALAN NO.1(a)

Nyatakan satu akaun kontra dalam setiap penyata kewangan berikut:

Penyata Kewangan	Akaun Kontra
Penyata Pendapatan Penyata Kedudukan Kewangan	

SPM 2013

SOALAN NO.1(e)

Maklumat berikut menunjukkan data hasil dan belanja Perniagaan Wafi.

	RM
Sewa diterima	2,500
Insurans	400
Belanja am	200
Komisen belian	160
Alat tulis	15
Promosi	275

Berapakah:

- (i) Jumlah hasil
- (ii) Jumlah belanja

SPM 2016

SOALAN NO.1(c)

Apakah yang dimaksudkan dengan hasil bukan operasi yang terdapat dalam Akaun Untung Rugi? Berikan contoh.

SPM 2017

SOALAN NO.1(b)

Carta akaun berikut digunakan oleh Medan Enterprise dalam penyimpanan akaun perniagaan..

Kod Item	Jenis Akaun
1 000 / 000	Aset Bukan Semasa
2 000 / 000	Aset Semasa
3 000 / 000	Liabiliti Bukan Semasa
4 000 / 000	Liabiliti Semasa
5 000 / 000	Hasil
6 000 / 000	Belanja

Cadangkan Kod Item bagi Akaun Kenderaan dan Akaun Alat Tulis.

SPM 2018

SOALAN NO.1(b)

Apakah kesan urus niaga berikut kepada persamaan perakaunan?

Beli barang niaga secara kredit RM 560 daripada Din Enterprise.

SPM 2020

SOALAN NO.1(b)

Apakah perbezaan antara liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa.

Modul 3: Dokumen

SPM 2012

SOALAN NO.1(a)

Nyatakan dokumen sumber dan buku catatan pertama yang terlibat bagi urus niaga berikut:

Kedai Perabot Nur membeli sebuah komputer secara kredit.

SPM 2014

SOALAN NO.1(a)

Aliyah Enterprise berhutang sebanyak RM 1,200 dengan Makhota Holding. Sekeping cek untuk membayar hutang tersebut diterima oleh Makhota Holdings pada 3 September 2014 iaitu dalam tempoh kredit dan layak menerima diskaun tunai 5%.

Kirakan diskaun tunai yang diterima oleh Aliyah Enterprise.

SPM 2015

SOALAN NO.1(b)

Dokumen perniagaan digunakan sebelum, semasa dan selepas urus niaga dijalankan. Beri satu contoh dokumen sebelum proses urus niaga dan satu contoh dokumen selepas urus niaga.

SPM 2017

SOALAN NO.1(e)

Keratan cek berikut adalah milik Perniagaan Royal.

DAWANA BANK		
	Ringgit	Sen
Baki akhir	28,650	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	28,650	00
Cek ini	380	00
Baki	28,270	00

- (i) Berapakah jumlah wang yang dikeluarkan?
- (ii) Ke manakah urus niaga diposkan?

SPM 2021

SOALAN NO.1(e)

Jawab soalan berdasarkan invoice berikut:

ASAL		No: 2701		
INVOIS Khalisah Electrical 234, Manja Road, 68000 Ampang, Selangor				
No.		Kuantiti (Unit)	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Pendingin hawa	1	2000	2,000
2	Kipas	4	150	600
				2,600
	Tolak diskaun niaga 10%			260
	Jumlah			2,340
Syarat: 10% 7 hari, 5% 14 hari K & K di K				
Minah _____ Penerima			Khalisah _____ Pengurus	

- (i) Siapakah penjual?
 (ii) Apakah maksud K&K di K?
 (iii) Cadangkan tarikh yang sesuai membayar hutang untuk mendapatkan 10% diskaun tunai.

Modul 4: Buku Catatan Pertama

SPM 2012

SOALAN NO.1(c)

Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Kualiti Sendirian Berhad

Jumlah tunai runcit yang diperuntukkan pada awal bulan	RM 250
Jumlah tunai runcit yang telah dibelanjakan	RM 127
Baki tunai runcit	RM 123

Hitung jumlah pembayaran balik berdasarkan Sistem Panjar Runcit.

SPM 2013

SOALAN NO.1(a)

Catatkan urus niaga berikut di dalam Jurnal Am (abaikan keterangan)

Membeli sebuah komputer RM 2,000 daripada Syarikat Setia Berhad.

SPM 2015

SOALAN NO.1(c)

Lengkapkan catatan Jurnal Am berikut:

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2015 Julai 2	X Y (Menggunakan inventori barang untuk kegunaan keluarga)	RM 800	RM 800

Apakah X dan Y?

SPM 2021

SOALAN NO.1(b)

Perbualan berikut berlaku antara dua rakan yang bekerja di Hotel Artese.

Marina: Rubecca, Jabatan Jualan telah menjual rak pameran yang tidak diperlukan lagi kepada Kedai Buku Ilham secara kredit.

Rubecca: Okey, Marina. Saya akan tunggu salinan invoice sebelum membuat catatan dalam lejar. Terima kasih

- (i) Namakan Buku Catatan Pertama yang digunakan oleh Rubecca.
- (ii) Nyatakan akaun yang didebit dan dikredit untuk urus niaga di atas.

Modul 5: Lejar

SPM 2011

SOALAN NO.1(b)

Nyatakan akaun yang didebit dan dikredit dalam urus niaga berikut :

Membayar insurans rumah kediaman dengan cek perniagaan.

SOALAN NO.1(b)

SPM 2012

Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikredit bagi urus niaga berikut :

Membeli perabot pejabat dan dibayar dengan tunai.

SOALAN NO.1(d)

SPM 2013

Berikan satu contoh akaun bagi setiap yang berikut:

- (i) Akaun Nominal
- (ii) Akaun Nyata

SPM 2014

SOALAN NO.1(c)

Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikredit bagi setiap urus niaga berikut::

- (i) Menjual barang niaga secara kredit kepada Raju.
- (ii) Membeli perabot secara tunai untuk kegunaan perniagaan.

SPM 2016

SOALAN NO.1(a)

Kenal pasti akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan dalam urus niaga berikut:

Pemilik telah mengambil barang niaga RM 850 daripada perniagaannya untuk didermakan kepada rumah anak yatim.

SPM 2019

Tentukan sama ada catatan bergu untuk akaun berikut benar atau palsu.:

- (i) Debitkan akaun aset, apabila aset bertambah.
- (ii) Kreditkan akaun hasil, apabila hasil berkurang.

Modul 7: Imbangan Duga

SPM 2015

SOALAN NO.1(d)

- (i) Nyatakan **dua** fungsi Imbangan Duga.
- (ii) Imbangan Duga yang seimbang tidak semestinya betul. Jelaskan

SPM 2021

SOALAN NO.1(c)

Nyatakan kedudukan baki akaun berikut dalam Imbangan Duga.

Akaun Komisen Belum Terima	Baki (.....)
Akaun Pulangan Belian	Baki (.....)

Modul 8: Pelarasan pada tarikh Imbangan

SPM 2011

SOALAN NO.1(c)

Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Runcit Alia pada 31 Oktober 2011.

Kenderaan (kos) RM 87,000

Susut nilai terkumpul RM 52,500

Maklumat tambahan:

Pada 1 November 2011, kenderaan tersebut telah dijual; pada harga RM 30,000.

Hitung untung atau rugi atas pelupusan kenderaan tersebut.

SPM 2012

SOALAN NO.1(d)

Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Karimah Berhad.

Kenderaan (kos) RM 8,600

Usia guna kenderaan 5 tahun

Nilai skrap RM 600

Hitung susut nilai tahunan.

SPM 2014

Bahagian B

Soalan 4

(a) Belanja berikut dibayar oleh Abu samah Enterprise bagi tahun berakhir 30 September 2014.

	RM
Insurans	3 840
Sewa	4 000

Premium insurans adalah untuk setahun bermula 1 Januari 2014 manakala sewa tahunan ialah RM5 200.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Akaun Insurans
- (ii) Akaun Sewa

- (b) Tempoh perakaunan Ganda Dua Enterprise berakhir pada 30 Jun setiap tahun. Baki Akaun Belum Terima pada 30 Jun 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	RM
2013	25 000
2014	23 000

Ganda Dua Enterprise memperuntukkan 2% peruntukan hutang ragu daripada jumlah Akaun Belum Terima bagi setiap tempoh perakaunan.

Sediakan Akaun Peruntukan hutang ragu bagi tahun berakhir 30 Jun 2013 dan 30 Jun 2014.

Modul 9: Pembetulan Kesilapan

SPM 2014

SOALAN NO.1(b)

Maklumat berikut diambil daripada Zara Café.

Belian alatan pejabat bernilai RM2 850 telah tersilap catat dalam Akaun Belian

Betulkan kesilapan tersebut menggunakan jurnal.

SPM 2019

Bahagian B

Soalan 6(b)

Sunny seorang peniaga dalam sebuah perniagaan milikan tunggal. Untung bersih perniagaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 ialah RM30 000. Selepaspenyediaan Imbangan Duga dan Akaun Penamat, beberapa kesilapan telah dikesan seperti berikut:

- (1) Invois yang dikeluarkan kepada Saliza terkurang catat RM500.
- (2) Bil elektrik bagi bulan Jun RM750 belum dibayar.
- (3) Belanja membaiki computer RM150telah direkodkan dalam Akaun Komputer.

Anda dikehendaki:

- (i) Menyediakan catatan jurnal untuk merekod kesilapan berkenaan. (keterangan tidak diperlukan)
- (ii) Hitung untung bersih selepas pelarasan (tunjukkan jalan kerja)

Modul 10: Analisis Kewangan untuk membuat keputusan

TIADA

Modul 11: Rekod Tak Lengkap

TIADA

Modul 12: Perakaunan untuk Kawalan Dalaman

SPM 2019

SOALAN NO.1(c)

Berdasarkan maklumat berikut, hitung kos jualan bagi Amin Enterprise jika margin untung kasar ada;ah 20%.

	RM
Jualan	600,000
Inventori awal	30,000
Inventori Akhir	35,000

SOALAN NO.1(d)

Penyata Bank pada 1 Mac 2019 bagi Perniagaan Suet Yee menunjukkan baki debit RM 300. Dividen pelaburan Perniagaan Suet Yee RM 500 telah dikreditkan ke akaun bank. Kirakan baki penyata bank selepas urus niaga tersebut.

SPM 2018

SOALAN NO.1(d)

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan belanjawan tunai.

	RM
Baki awal	2,509
Jumlah penerimaan	11,312
Kurungan	76

Hitung jumlah pembayaran untuk belanjawan tunai berkenaan.

SPM 2016

SOALAN NO.1(c)

Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan anggaran penerimaan dan pembayaran Cik Orkid pada bulan Oktober 2016.

	RM
Hasil perkhidmatan	4,300
Komisen diterima	645
Insurans	435
Belanja am	51
Utiliti	473

Hitungkan lebihan atau kurungan.

Modul 13: Perakaunan Perkongsian

SPM 2014

SOALAN NO.1(d)

Berdasarkan maklumat Nyatakan langkah-langkah yang perlu dilakukan apabila berlaku pembubaran dalam perkongsian.

SPM 2019

SOALAN NO.1(e)

Akaun Modal					
Butir	Afiq RM	Eka RM	Butir	Afiq RM	Eka RM
Baki b/b	200		Baki		650
Realisasi	140		Akaun Belum Bayar	150	
Bank		800	R	120	150
			S	70	

- (i) Apakah R?
(ii) Apakah urus niaga yang sesuai bagi S?

Modul 14: Syarikat Berhad

SPM 2014

SOALAN NO.1(d)

Daily One Behad mempunyai modal terdiri daripada 100,000 unit syer 6% syer keutamaan RM 2.50 dan 200,000 unit syer biasa RM 2.00 sesyer. Hitung modal diterbitkan dan berbayar penuh.

SPM 2016

Bahagian B

Soalan 5

- (a) Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada buku perakaunan Zainon Berhad.

Zainon Berhad	
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2013, 2014, dan 2015	
	RM
Modal diterbitkan dan berbayar	
1,000,000 unit 8% syer keutamaan RM 2.00 sesyer	2,000,000
4,800,000 unit syer biasa RM 1.00 sesyer	4,800,000

Jadual di bawah menunjukkan keuntungan syarikat yang diperuntukkan untuk pembayaran dividen bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, dan 31 Disember 2014.

Maklumat tambahan:

- (i) Untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 sebanyak RM 640,000.
- (ii) Pada 30 Jun 2015. Lembaga Pengarah telah:
 - Mengisytiharkan pembayaran dividen interim 5% kepada pemegang syer keutamaan dan 2% kepada pemegang syer biasa.
 - Mencadangkan dividen akhir 7% kepada pemegang syer biasa.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Melengkapkan lampiran A untuk menunjukkan agihan dividen antara pemegang syer keutamaan dengan pemegang syerbiasa tahun berakhir 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2014.
- (ii) Menghitung kadar dividen syer biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.
- (iii) Menghitung dividen interim dan dividen akhir tahun berakhir 31 Disember 2015.

Tahun	Keuntungan diperuntukkan untuk Dividen RM	Dividen Syer Keutamaan RM	Dividen Syer Biasa RM
2013			
2014			

Modul 15: Kelab dan Persatuan

SPM 2012

SOALAN NO.1(e)

Kelab memasak Ria memberikan maklumat berikut:

Bilangan ahli	150 orang
Yuran tahunan setiap ahli	RM 50
Yuran tertunggak pada akhir tahun perakaunan	RM 250

Hitung jumlah yuran tahunan.

SPM 2014

SOALAN NO.1(e)

Kelab Tennis Putra mempunyai 45 orang ahli pada 31 Disember 2013. Yuran tahunan sebanyak RM 120 seorang. Yuran yang telah diterima untuk sepanjang tahun 2013 sebanyak RM 5,820. Akaun Yuran pada 31 Disember 2013 adalah seperti di bawah.

Akaun Yuran			
	RM		RM
Baki b/b	240	Baki b/b	120
Pendapatan dan Perbelanjaan	X	Bank	Y
Baki h/b	360	Baki h/b	60

- (i) Apakah nilai X?
(ii) Apakah nilai Y?

SPM 2020

SOALAN NO.1(c)

Kelab Memanah Wira telah menerima hasil sewaan alatan daripada belia taman berkenaan. Kelab juga mengutip derma untuk membeli peralatan kelab yang baharu.

Kategori sumber hasil kelab berkenaan.

Modul 16: Perakaunan Kos

SPM 2011

SOALAN NO.1(e)

Kelaskan belanja berikut kepada komponen kos pengeluaran.

Kos	Komponen Kos Pengeluaran
Upah operator pengeluaran	
Gaji penyelia kilang	

SPM 2016

SOALAN NO.1(d)

Namakan garisan X dan garisan Y dalam Graf Titik Pulang Modal di bawah.

